



BARISAN pemain pasukan Todak yang muncul juara Kejohanan Liga Futsal UMSKAL 2018.

## Pasukan Todak juara Liga Futsal UMSKAL 2018

UB 9.10.2018 AII

LABUAN: Pasukan Todak muncul juara Kejohanan Liga Futsal UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2018 yang diadakan di Gelanggang Futsal UMSKAL Jumaat lalu.

Kemenangan itu diperolehi selepas skuad yang diketuai Abdullah Manggul menewaskan Jerung 3-1 sekaligus mengutip 7 mata.

Sebelum itu, Todak yang ditaris Abdullah, Mohizam, Che Din, Asmawi, Erman, Haji Jarim, Donny dan Kamal menewaskan pasukan Layaran

3-2 dan seri 3-3 dengan pasukan Paus.

Naib johan pasukan Layaran dengan 6 mata.

Tempat ketiga Paus yang memperolehi 4 mata dan keempat pasukan Jerung tanpa sebarang mata.

Sambil gembira dengan kemenangan itu, Abdullah berkata kejuaraan itu dimiliki selepas pemain yang menggalas tugas berat itu telah bermain secara berpasukan.

“Kami hanya mahu mengutip 3 mata. Hanya kemenangan mampu

melayakkan pasukan Todak muncul juara dalam Liga Futsal UMSKAL 2018,” katanya.

Beliau yang mewakili Ketua Kontinen Todak, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim berharap kejayaan pasukan futsal itu akan menyuntik semangat pemain untuk memenangi acara sukan lain pada minggu ini.

Kejohanan Liga Futsal UMSKAL itu dianjurkan Sektor Sukan dan Rekreasi UMSKAL yang diterajui Pegawai Belia dan Sukan, Ahmad Fadly Abd Rahman.